Pelanggan yang dihormati,
Helaian Penerangan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ianya membantu; **anda patut membacanya juga**.

Tarikh: 01/01/2026

1 Apakah Takaful myGrowth Plus?

Takaful myGrowth Plus ialah pelan endowmen takaful dengan bayaran terhad yang menawarkan perlindungan takaful untuk **25** tahun. Ia membayar manfaat sekali gus sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia atau mengalami keilatan menyeluruh dan kekal ("KMK") semasa tempoh sijil, serta membayar bayaran tunai tahunan bermula dari akhir tahun kedua. Di samping itu, pelan ini menawarkan elaun ihsan, elaun peristiwa hidup, dan manfaat kematangan terjamin.

Pelan ini menggunakan konsep-konsep Syariah seperti **Tabarru'**, **Wakalah**, **Ju'alah**, **Qard** dan **Hibah**.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk lelaki berumur 30 tahun dengan caruman **RM90,000.00** setahun, anda akan menerima **perlindungan/manfaat-manfaat** takaful keluarga seperti berikut:

Kematian/KMK	a. Jumlah yang lebih tinggi di antara: • **RM300,000.00;** atau • Jumlah caruman yang diterima, tolak jumlah Manfaat Tunai Terjamin ("MTT") yang telah dibayar oleh kami; dan b. Sebarang baki dalam Akaun Peserta ("AP") (jika ada).
Kematian/KMK akibat Kemalangan	Sekiranya kematian atau KMK berlaku akibat kemalangan, jumlah yang lebih tinggi antara yang berikut akan dibayar sebagai amaun tambahan di atas manfaat Kematian/KMK: a. ***RM300,000.00**; atau b. Jumlah caruman yang diterima, tolak jumlah MTT yang telah dibayar oleh kami. *Amaun yang perlu dibayar akan **digandakan** sekiranya kemalangan berlaku di **luar Malaysia.**
Elaun Ihsan	Tambahan **RM30,000.00**, atas kematian orang yang dilindungi.
Elaun Peristiwa Hidup	**RM15,000.00** semasa perkahwinan atau kelahiran anak orang yang dilindungi, dengan syarat pelan telah berkuat kuasa selama sekurang-kurangnya 2 tahun.
Manfaat Tunai Terjamin ("MTT")	Bayaran tunai tahunan dari Akaun Manfaat Terjamin ("AMT"), bermula dari akhir tahun kedua sehingga kematian, atau KMK orang yang dilindungi, atau penyerahan, atau kematangan sijil, yang mana berlaku terlebih dahulu. a.
Manfaat Kematangan Terjamin	a. Jumlah yang lebih tinggi di antara: • **RM450,000.00** tambah **RM15,000.00** (jika tiada tuntutan dibuat ke atas Elaun Peristiwa Hidup); atau • Baki dalam AMT (jika ada); b. Sebarang baki dalam AP (jika ada)
Nota: Manfaat ini memberikan perlindungan hanya sehingga umur 70 untuk KMK dan kematian/KMK akibat kemalangan.	

Akhir Tahun	MTT Dibayar
Tahun 2- 5	**RM24,000**
Tahun 6 – 10	**RM30,000**
Tahun 11 dan ke atas	**RM36,000**

Takaful keluarga anda **tidak melindungi**:
- Kematian akibat bunuh diri dalam tempoh tahun pertama.
- KMK yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau KMK berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda mesti merujuk kepada Lampiran untuk pengecualian-pengecualian tambahan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan takaful keluarga anda, anda boleh:

Hubungi kami di:	Mengunjungi cawangan	E-mel kami di:	Imbas kod QR untuk merujuk
1-300 88 252 385	RHB terdekat	csu@takaful-malaysia.com.my	Lampiran bagi maklumat lanjut

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:	
Caruman Takaful	**RM90,000.00** setahun
Tempoh: **12** tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut (sebagai sebahagian daripada caruman anda):	
Yuran Wakalah	Yuran Wakalah ditolak terlebih dahulu sebagai peratusan caruman untuk memenuhi perbelanjaan pengurusan kami dan jumlah kos pengagihan (iaitu komisen).

Tahun	1	2	3	4	5	6-10	11 & ke atas
%	35.00	25.00	25.00	15.00	15.00	10.00	10.00
RM	31,500.00	22,500.00	22,500.00	13,500.00	13,500.00	9,000.00	9,000.00

Komisen (sebahagian daripada yuran Wakalah)

Tahun	1	2	3	4	5	6-10	11 & ke atas
%	18.00	12.00	9.00	3.00	3.00	3.00	0.00
RM	16,200.00	10,800.00	8,100.00	2,700.00	2,700.00	2,700.00	0.00

Duti setem	**Dibayar oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad.**

4 Terma Utama Lain

- Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil perhatian yang sewajarnya untuk tidak memberikan maklumat palsu atau tidak tepat apabila anda memohon untuk pelan ini. Kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan risiko tuntutan anda ditolak dan/atau sijil ditamatkan.
- Amaun yang telah diletakkan di bawah AP dan AMT dan keuntungan pelaburan yang timbul daripada AP dan AMT adalah tidak dijamin dan akan berdasarkan prestasi dana sebenar.
- Anda boleh menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui mengenai penyertaan anda dalam pelan ini.
- Sila maklumkan kepada kami dengan segera sekiranya berlaku kejadian yang mengakibatkan tuntutan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Penelitian Percuma:** Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil anda dihantar kepada anda. Caruman yang telah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda memilih untuk menyerahkan sijil anda selepas tempoh penelitian percuma 15 hari, anda boleh memohon untuk menyerahkan sijil anda dengan mengisi borang penyerahan dan menghantarkannya kepada kami, dan sebarang baki di dalam AMT dan AP akan dibayar.

Pengakuan Pelanggan*

Sila pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda sedar akan tujuan tandatangan anda.

☐ Saya mengakui bahawa wakil jualan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Penerangan Produk.

☐ Saya sudah membaca dan memahami informasi penting yang terdapat dalam Helaian Penerangan Produk ini.

*Pengakuan anda terhadap Helaian Penerangan Produk ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku sebarang pertikaian berkaitan terma dan syarat produk.

.....

Nama:

Tarikh:

Konsep Syariah

Tabarru'	• Derma untuk tujuan kebajikan. • Anda menderma suatu amaun daripada AMT ke dalam Akaun Khas Peserta ("Dana Risiko") untuk membantu peserta lain. • Tabarru' berkuat kuasa apabila anda mencarum ke dalam Dana Risiko.
Wakalah	• Sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal, memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya. • Wakil tersebut akan melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. • Di dalam pelan ini, anda memberi kuasa kepada kami untuk menguruskan sijil, dan sebagai balasannya, kami akan menerima yuran Wakalah.
Ju'alah	• Kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada satu pihak lain yang telah berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. • Sebagai insentif prestasi atas pencapaian kami dalam menguruskan AP dan AMT dengan jayanya, anda membenarkan kami menerima 15% daripada keuntungan pelaburan daripada AP, dan 15% daripada keuntungan pelaburan daripada AMT, jika keuntungan pelaburan melebihi 3.9%.
Qard	• Pinjaman tanpa sebarang faedah. • Kami akan meminjamkan sejumah wang ke dalam Dana Risiko tanpa faedah sekiranya Dana Risiko mengalami defisit untuk membayar tuntutan.
Hibah	• Pemindahan hak milik aset dari penderma kepada penerima tanpa apa-apa balasan. • Manfaat-manfaat yang akan dibayar dari Dana Risiko adalah diberikan sebagai Hibah. • Penama boleh menerima manfaat yang dibayar sebagai Hibah sekiranya penama adalah benefisiari di bawah Hibah bersyarat.

Terma & Syarat Utama lain

Caruman Takaful	a) Caruman takaful bergantung kepada jumlah perlindungan, tempoh perlindungan, tempoh bayaran caruman dan mod bayaran caruman. b) Amaun caruman takaful adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun caruman takaful. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa. c) Perlindungan ke atas orang yang dilindungi akan berkuat kuasa selepas pembayaran caruman takaful pertama seperti yang dinyatakan di dalam e-Sijil anda berjaya. d) Caruman takaful seterusnya akan ditolak secara automatik daripada kad debit/kredit atau akaun semasa/simpanan yang dipilih berdasarkan mod pembayaran yang telah dipilih untuk memastikan perlindungan berterusan kepada orang yang dilindungi. e) Sila simpan resit yang akan di-e-melkan kepada anda, sebagai bukti pembayaran caruman takaful telah dibuat.
Tabarru'	a) Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada AMT dan dikreditkan ke dalam Dana Risiko. b) Tabarru' ditetapkan pada 1.5% daripada caruman kasar bulanan untuk semua peringkat umur sepanjang tempoh perlindungan. c) Amaun Tabarru' adalah tidak dijamin dan kami berhak untuk menyemak semula amaun Tabarru'. Kami akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ianya berkuat kuasa.
Tempoh Tangguh	Anda mempunyai 30 hari daripada tarikh akhir untuk membayar caruman takaful. Sijil ini akan kekal berkuat kuasa semasa tempoh tangguh.
Luput	Sijil anda akan luput dan tiada perlindungan diberikan apabila baki di dalam akaun AMT tidak mencukupi.
Kuat Kuasa Semula	Jika sijil anda telah luput, anda tidak dibenarkan untuk kuat kuasa semula sijil.
Lain - lain	a) Elaun Peristiwa Hidup, MTT dan Manfaat Kematangan Terjamin tidak akan dijamin jika anda tidak membayar caruman selama lebih daripada 3 bulan berturut-turut. b) Risiko pelaburan ditanggung sepenuhnya oleh anda, dan manfaat yang diterima mungkin kurang daripada jumlah caruman yang telah anda bayar. c) Adalah penting untuk anda mengemaskini di dalam Portal *my*Takaful Customer atau memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas butiran hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Pengecualian-Pengecualian

Pelan ini tidak melindungi perkara berikut:

Kematian/Kematian akibat Kemalangan	Tiada manfaat akan dibayar jika kematian berlaku disebabkan oleh perkara berikut. Walau bagaimanapun, semua caruman yang telah dibayar kepada kami akan dipulangkan: • bunuh diri dalam tempoh tahun pertama. • kematian sebelum orang yang dilindungi mencapai umur 2 tahun. • kematian akibat bukan kemalangan dalam tempoh 2 tahun pertama.
KMK/KMK akibat Kemalangan	KMK: • berlaku sebelum orang yang dilindungi mencapai umur 2 tahun. Tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua sumbangan yang telah dibayar kepada kami akan dipulangkan. • akibat bukan kemalangan dalam tempoh 2 tahun pertama. Tiada manfaat akan dibayar. Walau bagaimanapun, semua sumbangan yang telah dibayar kepada kami akan dipulangkan. • yang telah wujud sebelum perlindungan bermula, atau KMK berpunca daripada cubaan bunuh diri atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri. • disebabkan oleh penerbangan, meluncur atau apa-apa aktiviti penerbangan lain selain sebagai juruterbang, anak kapal kabin atau penumpang kapal terbang. • disebabkan oleh pelanggaran undang-undang atau kecederaan semasa melakukan, mencuba atau mencetuskan serangan atau jenayah.
Elaun Ihsan	Kematian: • berlaku sebelum orang yang dilindungi mencapai umur 2 tahun. • akibat bukan kemalangan dalam tempoh 2 tahun pertama.

Nota:
Senarai di atas adalah **tidak lengkap**. Anda hendaklah merujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

NOTA-NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BERSESUAIAN DENGAN KEADAAN PERIBADI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN KAMI ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS ("TIPS") PIDM ATAU HUBUNGI SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY).

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [198401019089 (131646-K)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.